

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 MAC 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Penduduk Mersing dapat manfaat daripada ECERDC

Penduduk Mersing dapat manfaat daripada ECERDC

MERSING - Seramai 3,653 penduduk daerah Mersing telah menerima manfaat daripada program bimbingan akademik dan latihan kemahiran serta keusahawanan yang diinisiatifikasikan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) setakat ini.

Yang Dipertua Majlis Daerah Mersing Mohd Norman Noh berkata, program dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang diperkenalkan sejak 2013 itu, antara lain bertujuan merapatkan jurang ekonomi masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar melalui peningkatan prestasi akademik pelajar dan kemahiran vokasional peserta.

“Bagaimanapun, kejayaan program seumpama ini masih terletak kepada penduduk Mersing itu sendiri dan saya berharap agar mereka dapat merebut peluang keemasan ini sekali gus meningkatkan taraf hidup masing-masing menerusi akademik dan kemahiran.

“Pada masa sama, kita berharap pihak ECERDC dapat meneruskan program ini dalam usaha menarik lebih ramai lagi untuk menyertai program berkenaan seterusnya melahirkan usahawan dalam pelbagai bidang,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup Gerak Usahawan Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di sini, pada Jumaat. - *Bernamea*